



قوسٲٲ سجاره بروني
PUSAT SEJARAH BRUNEI
Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei

NOTIS SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA: 8/NOVEMBER/2025/PSB/PD.575

**MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CENDERAMATA
PUSAT SEJARAH BRUNEI,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

1. Tawaran hanya dipelawa kepada Syarikat-Syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen **16 dan 17** dari Akta Nama-Nama Perniagaan (*Business Names Act*).
2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dari **Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan, Tingkat 2, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Stoney/Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam** dari pukul **8.00 pagi hingga 11.00 pagi** dan dari pukul **2 petang hingga 3.30 petang** pada hari bekerja sahaja kecuali pada hari **Sabtu** (sehingga pukul **10.15 pagi**).
3. Yuran Sebut Harga adalah **\$5.00** sahaja bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan kepada Syarikat/Pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide quotation*).
4. Untuk penerangan lanjut, sila hubungi:

**PELUKIS TINGKAT II
BAHAGIAN PAMERAN DAN PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
TALIAN: 2240166 SMB. 350 ATAU 8927990
(WAKTU BEKERJA SAHAJA)**

5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama Syarikat/Kontraktor dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Jalan Stoney/Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam.**

6. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di:

**Pusat Sejarah Brunei,
Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan
Tingkat Bawah (Lobi/Penyambut Tetamu)
Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tidak lewat jam 2.00 petang hari Khamis, 11 Disember 2025.

7. **Tarikh terakhir** mengambil dokumen sebut harga adalah pada hari **Rabu, 10 Disember 2025 jam 3.30 petang.**
8. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Syarikat/Pembekal hendaklah mengisi semua kadar keperluan dalam borang spesifikasi yang telah ditetapkan. Jika didapati pengisian borang tersebut tidak lengkap, maka tawaran sebut harga dikira batal dan tidak akan dipertimbangkan.
10. Bagi perubahan kecil dan apa jua pembaikan yang dipohonkan selagi mana masih dalam tempoh kontrak yang ditetapkan hendaklah tidak dikenakan sebarang bayaran.
11. Sebelum Dokumen Sebut Harga dikeluarkan, setiap Syarikat/Pembekal adalah dikehendaki untuk membawa dan **menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan/atau mana-mana sijil yang berkaitan** dan dikehendaki membayar Yuran Sebut Harga dengan kadar yang telah ditetapkan.
12. Sebut harga mestilah dihadapkan menggunakan Borang Sebut Harga yang telah disediakan. Sebut harga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
13. Setiap Borang Sebut Harga yang sudah lengkap diisi hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran, salinan Certificate of Tax Compliance (COTC) (bagi syarikat yang berdaftar sebagai Sendirian Berhad) dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga.
14. Syarikat/Pembekal yang dimiliki oleh Pegawai/Kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
15. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebut harga rendah atau lain-lain harga.
16. Syarikat/Pembekal yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang ditetapkan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN4/(39/1997).